

11 DEC 2003

Shafie-KWSP

KWSP INGIN KEMBALI KEPADA FALSAFAH ASAL

KEPALA BATAS, 11 Dis (Bernama) -- Cadangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk tidak membenarkan pencarumnya mengeluarkan satu pertiga daripada jumlah simpanan mereka apabila mencapai umur 50 tahun, adalah wajar untuk kepentingan pencarumnya, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Salleh.

Cadangan itu dibuat selepas KWSP mengkaji pelbagai aspek demi menjamin masa depan pencarum, katanya.

"Ia sebenarnya berbalik kepada falsafah asal penubuhan KWSP iaitu simpanan untuk hari tua pencarum," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif KWSP Datuk Azlan Zainol mengenai kemungkinan KWSP untuk tidak membenarkan pencarum yang mencapai umur 50 tahun mengeluarkan satu pertiga daripada caruman mereka.

Azlan dilaporkan sebagai berkata perkara itu adalah antara cadangan sebuah jawatankuasa yang telah dibentuk sebelum ianya dikemukakan kepada Lembaga Pengarah KWSP dan jika diluluskan akan dikuatkuasakan pada Jun tahun depan.

Dr Shafie, yang ditemui pada satu majlis anjuran Biro Ekonomi Umno Bahagian kepala Batas, berkata bahawa sebelum ini KWSP banyak memberi kelonggaran kepada pencarum untuk mengeluarkan simpanan mereka seperti untuk membeli komputer tetapi ada yang menyalahgunakannya.

"(Bekas Perdana Menteri Tun) Dr Mahathir (Mohamad) sendiripun tidak faham dengan tindakan pencarum yang berbuat demikian dengan mendapatkan resit sedangkan komputer tidak dibeli," katanya.

Beliau berkata orang ramai tidak perlu resah dengan keputusan itu kerana caruman mereka telah dibahagikan kepada beberapa akaun, yang antara lain ia boleh dikeluarkan apabila mereka ingin mendapatkan rawatan perubatan dan membiayai pendidikan anak-anak mereka.

"Jika pencarum menggunakan sepenuhnya wang KWSP, simpanan mereka akan tinggal sedikit sahaja untuk bekalan hari tua apabila mereka pencen kelak," katanya.

Dr Shafie juga berkata kerajaan dijangka menambah peruntukan dalam skim pinjaman mikro kredit dalam belanjawan 2004 dalam usaha menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Tanpa memberikan butiran pertambahan itu, beliau berkata setakat 8 Dis lepas, pengeluaran pinjaman mikro kredit telah disalurkan kepada 41,348 permohonan berjumlah RM390.1 juta di seluruh negara.

Sebanyak 98,177 permohonan telah diterima bagi pinjaman bernilai RM1.6 bilion dengan jumlah permohonan yang diluluskan sebanyak 54,764 yang berjumlah RM497 juta.

Bagi Pulau Pinang, sebanyak 7,246 permohonan bernilai lebih RM60 juta diluluskan, dan daripada jumlah itu, sebanyak RM47.9 juta telah dikeluarkan kepada 5,663 pemohon, katanya.

Seramai 11,141 orang di negeri ini telah memohon untuk mendapatkan pinjaman berjumlah RM178.4 juta.

-- BERNAMA

NH MAI